

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,  
PERDANA MENTERI/PRESIDEN UMNO  
MALAYSIA DI MESYUARAT PERWAKILAN  
UMNO BAHAGIAN TANJUNG KARANG,  
DI DEWAN ORANG RAMAI, TANJUNG  
KARANG, PADA HARI SABTU, 29HB  
MEI, 1976, JAM ~~10.00~~ PAGI.

---

Y.A.B. Datuk Hormat Rafei, Menteri Besar Selangor,  
Y.B. Encik Kamarulzaman,  
Saudara-saudara sekalian.

---

Saya bersyukur kerana dengan izin Allah, dapat saya melawat daerah Tanjung Karang pagi ini, dan hadir bersama-sama di majlis peresmian Mesyuarat Perwakilan UMNO, Bahagian <sup>hendak</sup> Tanjung Karang. Saya suka <sub>x</sub> mengucapkan terimakasih dan penghargaan atas sambutan meriah yang telah diberikan kepada saya sebentar tadi. Saya suka juga mengucapkan terimakasih kepada para hadirin dan penduduk sekalian, yang telah datang dari jauh dan dekat, untuk bersama-sama memeriahkan majlis ini.

2. Inilah lawatan saya yang pertama ke Daerah Tanjung Karang yang memang terkenal sebagai "jelapang padi" Negeri Selangor. Semenjak merdeka dan hasil dari pembangunan pesat yang dicapai oleh negeri Selangor, maka daerah Tanjung Karang turut maju. Langkah-langkah yang dijalankan oleh Lembaga Padi dan Beras Negara <sup>khasnya</sup> dalam sistem pemasaran dan menstabilkan harga padi, telah sedikit sebanyak menjamin kehidupan yang lebih sempurna kepada penduduk-penduduk di sini.

Saudara-saudara sekalian,

3. Saya sungguh merasa bangga dengan minat yang ditunjukkan oleh setiap rakyat terhadap

parti, dan juga usaha pembangunan dan kemajuan yang telah diadakan oleh Kerajaan, bagi memajukan lagi keadaan ekonomi serta meninggikan lagi taraf hidup penduduk-penduduk kawasan luar bandar. Sejak dari tahun 1960 lagi, sebaik sahaja tamatnya darurat, Kerajaan telah mencurahkan segala wang yang dibelanjakan untuk keselamatan, kepada rancangan pembangunan luarbandar. Kemudahan asas yang terdapat di kawasan luarbandar sekarang ini, adalah bukti nyata tentang hasrat Kerajaan untuk faedah rakyat.

4. Tahun demi tahun, peruntukan untuk memajukan lagi kawasan-kawasan luarbandar,

meninggikan lagi keadaan ekonomi petani dan penduduk desa sentiasa dilipatgandakan.

5. Rancangan pembukaan tanah secara besar-besaran telah diutamakan untuk memberi peluang kepada petani yang tidak bertanah bagi mendapat hasil yang mencukupi dan berhijrah ke kawasan baru untuk menikmati keadaan hidup yang lebih sempurna. Hasil dari rancangan tanah raksaksa inilah, sebilangan besar dari peneroka kawasan tanah baru itu telah dapat merasai hidup yang lebih baik dan masa depan yang lebih terjamin.

Saudara-saudara sekalian,

9. Pelancaran Rancangan Malaysia Kedua pada tahun 1971 sesungguhnya menandakan satu

zaman pembanqunan, untuk mewujudkan sebuah negara Malaysia yang teguh, makmur dan maju. Dengan berpandukan prinsip Rukunegara, Rancangan Malaysia Kedua merupakan satu strateji pembanqunan jangka panjang, untuk melahirkan pembaharuan struktur yang dinamis dalam masyarakat dan ekonomi negara. Berasaskan kepada Dasar Ekonomi Baru, matalamat utama Rancangan Malaysia Kedua ialah bagi mencapai matalamat utama ke arah perpaduan yang kukuh lagi berkekalan, di kalangan rakyat berbilang bangsa di negara ini.

10. Sungguhpun kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua tidak mencapai tujuan sepenuhnya, tetapi pada keseluruhannya, kita telah dapat

juga mencapai matalamat yang diharapkan.

Saudara-saudara sekalian,

11. Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan dalam bulan Julai adalah ekoran dan lanjutan dari hasrat dan keazaman Kerajaan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dengan lebih berkesan. Kerajaan mempunyai penuh keyakinan iaitu berasaskan trend pertumbuhan ekonomi yang terdapat sekarang ini, Rancangan Malaysia Ketiga dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sempurna, supaya kekayaan dan kebahagiaan yang diperolehi dapat dinikmati oleh setiap golongan rakyat dengan lebih adil dan saksama.

12. Kegiatan rancangan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, akan ditumpukan dalam sektor pertanian dalam kawasan atau wilayah yang kurang maju, bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi setempat, sejajar dengan hasrat kita merapatkan lagi jurang ekonomi yang terdapat sekarang ini. Sungguhpun begitu, tidaklah pula bermakna rancangan di kawasan yang lain akan dikurangkan.

Saudara-saudara sekalian,

13. Dalam masa lima tahun yang lepas,

Kerajaan telahpun membelanjakan lebih \$4,000

~~atau jumlah wang yang banyak ini, 43% daripada~~

juta. ~~Jaitu 43% daripada jumlah wang yang telah~~

~~dikeluarkan untuk Rancangan Malaysia Kedua bagi~~

~~kerana~~

~~melaksanakan rancangan pertanian dan pembangunan~~

luarbandar, yang memberi faedah secara langsung kepada rakyat desa. Saya suka membayangkan bahawa angka perbelanjaan ini akan diqandakan, kerana peruntukan wang bagi Rancangan Malaysia Ketiga, adalah dua kali ganda lebih besar dari perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk Rancangan Malaysia Kedua.

14. Saya memberikan gambaran ini ialah untuk meyakinkan keazaman Kerajaan <sup>kerana</sup> untuk membasmi kemiskinan dan memperbaiki keadaan hidup serta taraf ekonomi penduduk luarbandar, yang terdiri dari petani, pekebun kecil dan peladang. Saya membayangkan angka perbelanjaan Rancangan Malaysia Ketiga ialah untuk membuktikan bahawa

UMNO, sebagai parti yang terbesar dalam Barisan Nasional yang memegang teraju dan pucuk pimpinan Kerajaan hari ini, adalah benar-benar menjalankan hasrat dan cita-cita suci sebilangan besar rakyat di negara ini.

15. Sebagaimana yang telah saya tegaskan, masa depan kita adalah bergantung kepada kejayaan mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh yang demikian, adalah menjadi tuqas dan kewajipan setiap ahli UMNO, khasnya pemimpin, samada di peringkat pusat, bahagian mahupun cawangan, menjamin supaya matalamat ini akan tercapai. Bukanlah menjadi tanggungjawab Kerajaan semata-mata untuk menjayakan

pelaksanaannya. Rakyat, khususnya kaum Bumiputra, haruslah memainkan peranan yang lebih penting ke arah mencapai matalamat Dasar Ekonomi Baru ini. Begitulah juga saya<sup>ler</sup> harap kaum-kaum lain akan benar-benar memahami hasrat dan tujuan ini, dan setiap masa membantu Kerajaan dalam usahanya mencapai matalamat tersebut.

Saudara-saudara sekalian,

16. Masa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini telahpun berjalan selama lima tahun, dan kita mengejar masa untuk menentukan kestabilan di masa depan. Sekalipun kita telah mencapai kejayaan, tetapi kejayaan setakat ini tidak dapat memenuhi harapan rakyat yang memuncak. Oleh itu, kita harus melipatgandakan usaha dan

tenaga, supaya masa lima tahun yang akan datang dapat menentukan sekurang-kurangnya tercapai 50% daripada matalamat sepenuhnya.

17. Saya menekankan perkara ini kerana kita perlu mendapatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat, dalam menghadapi pergolakan politik dan dalam memenuhi janji kita. Kita patutlah dapat mencapai hasil yang memuaskan, bagi memenuhi harapan dan keperluan tinggi rakyat jelata, khasnya kaum Bumiputra. Itulah sebabnya saya kerap kali mengingatkan pentingnya pemimpin-pemimpin UMNO, mengawasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini, untuk membuktikan kepada rakyat kebolehan dan kemampuan kita. Inilah tugas kita dan harapan kita semua.

Saudara-saudara sekalian,

18. Syukurlah dalam lawatan saya ke Arab Saudi baru-baru ini, saya telah diberi keyakinan bahawa negara tersebut akan lebih melibatkan dirinya dalam rancangan pembangunan kita yang menasabah, dan rancangan ekonomi yang boleh menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih tinggi, atau yang boleh mendatangkan faedah besar kepada penghidupan rakyat. Ini merupakan satu natijah yang baik bagi masa depan negara kita.

19. Selain dari keyakinan ini, lawatan saya telah juga dapat mengeratkan hubungan rapat yang telah lama wujud di masa <sup>aj. P. mulia P.embu Abdul Rahman, dan dimasa</sup> hayat Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dan Allahyarham

Al-Malek Faisal. Dalam lawatan saya itu, saya telah dapat juga meyakinkan para pemimpin Arab Saudi mengenai hasrat suci kita hendak membaiki lagi keadaan hidup dan meninggikan taraf ekonomi kaum Bumiputra, khususnya umat Islam, supaya masyarakat Islam di Malaysia dapat hidup setanding dengan bangsa-bangsa lain di rantau ini, supaya masyarakat Islam dapat terus maju di dunia, di samping mengerjakan perintah dan suruhan Allah s.w.t.

20. Dalam lawatan saya yang singkat itu, <sup>juga</sup> ~~juga~~, kita telah dapat menandatangani <sup>Kebudayaan dan Sainifik</sup>, satu Perjanjian Kerjasama Sainifik dan kebudayaan di mana kita akan dapat mengadakan rancangan

pertukaran bahan-bahan penerangan, termasuklah pertukaran pakar-pakar pendidikan, kebudayaan dan sains, yang boleh mendatangkan faedah kepada kedua-dua negara.

21. Sesungguhnya, sebagai sebuah negara Islam yang tulin, Arab Saudi telah mencapai kemajuan yang amat tinggi dan moden. Hasratnya melaksanakan rancangan-rancangan yang boleh mendatangkan faedah kepada rakyatnya, dan menjamin masa depannya yang lebih cemerlang, sedang pesat diusahakan oleh Kerajaan Arab Saudi. Kemudahan yang disediakan untuk jemaah haji yang datang dari seluruh dunia, seperti tempat kediaman yang besar di Jeddah, jalanraya yang

Tuas diantara Jeddah, Mekah, <sup>Mina</sup> ~~Arafat~~ dan <sup>Arafat</sup> ~~Mina~~, serta bekalan air dan pusat-pusat kesihatan yang makin bertambah, membuktikan minat dan hasrat Kerajaan Arab Saudi terhadap kebajikan jemaah-jemaah haji. Demikian juga, rancangan pembesaran masjid Nabi di Madinah dan Masjidil Haram di Mekah, yang hanya merupakan capital investment, yang tidak mengembalikan apa-apa keuntungan, adalah jelas membuktikan keazaman mereka memberi kesenangan dan keselamatan kepada jemaah-jemaah haji.

22. Saya sendiri kagum dengan kemajuan pesat yang telah dicapai oleh Arab Saudi, sejak lawatan akhir saya ke Jeddah, Madinah dan Mekah pada awal tahun 1973 dahulu.

Di samping kemajuan dalam bidang ini, pemimpin-pemimpin Arab Saudi adalah berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa kemajuan lebih banyak lagi, sejajar dengan zaman moden dan saintifik ke negara tersebut, supaya negaranya tidak ketinggalan ke belakang sebagai salah sebuah negara yang maju di dunia.

Saudara-saudara sekalian,

23. Saya menyebutkan perkara ini kerana, selain dari hendak memberikan gambaran yang sebenar mengenai kemajuan di Arab Saudi itu, saya suka meyakinkan kaum Bumiputra, khususnya ~~bahawa~~ umat Islam, bahawa rakyat Arab Saudi yang berpegang teguh kepada ajaran dan suruhan

Allah, sentiasa bersungguh-sungguh mengejar kemajuan demi kepentingan hidup di dunia ini. Oleh itu, saya sukalah menarik perhatian masyarakat Islam di negara ini bahawa, kita janganlah hidup di dunia dengan semata-mata berserah kepada takdir Tuhan sahaja, untuk memberi kita rezeki dan kebahagiaan. Kita sendiri hendaklah berusaha mencapai kemajuan yang diperlukan, supaya hidup kita di dunia ini akan menjadi lebih bermanfaat, kerana di sebalik kebahagiaan dan kemakmuran, kita boleh dapat mengerjakan amalan ibadat dan perintah Allah dalam keadaan yang lebih selesa.

Saudara-saudara sekalian,

23. Berbalik kepada masaalah tempatan, seperti kita maklum, Tanjung Karang dan Sabak Bernam adalah jelapang padi yang terbesar di Selangor ini, yang merupakan satu sumber penting kepada nadi kegiatan ekonomi negara. Sebilangan besar penduduknya terdiri dari orang Islam. Pada masa ini, Kerajaan, melalui Jabatan Pertanian, Parit dan Taliair dan Lembaga Padi dan Beras Negara, telah dan sedang menjalankan usaha untuk memperbaiki dan memodenkan cara pertanian, supaya petani-petani di kawasan luar bandar boleh mendapat hasil yang lebih baik di samping dapat menjimatkan perbelanjaan dan masa.

24. Dengan adanya percubaan di kawasan 80 ekar bagi menggunakan sistem ciptaan baru mendapatkan bekalan air di bendang, tiga kali lebih cepat dari biasa, akan membolehkan petani menanam padi lima kali dalam masa dua tahun. Ini bermakna petani-petani akan dapat mengerjakan bendang mereka sepenuh masa dari kemudahan baru ini. Tidak syak lagi, ciptaan ini akan menambahkan hasil yang lebih tinggi dan pendapatan yang lebih lumayan.

25. Saya sukalah mengambil kesempatan ini menucapkan tahniah kepada Jabatan Parit dan Taliair yang berjaya membuat ciptaan baru ini, dengan kerjasama sebuah kilang tempatan. Sesungguhnya ini merupa kemajuan dalam usaha kita

memperbaiki dan memodenkan lagi teknik dan cara pertanian kita, dan kemudahan ini akan disebarakan dengan luasnya.

24. Saya juga diberitahu Jabatan Pertanian adalah giat menggalakkan petani-petani mengubah teknik lama menanam padi kepada peladangan berjentera <sup>yang</sup> seberapa boleh, dengan menggunakan semai tabur dengan tujuan menjimatkan masa dan perbelanjaan. Bagi pekebun kecil kelapa pula, adalah digalakkan tanaman cocoa sebagai tanaman selingan bagi menambahkan lagi hasil pendapatan.

25. Saya harap saudara-saudara kita petani dan pekebun kecil di kawasan ini khasnya, akan

menyambut baik perubahan cara dan teknik serta tanaman selingan ini. Kesemuanya ini adalah untuk kepentingan dan kebahagiaan mereka sendiri. Dalam hubungan ini, sebuah pusat latihan Peladangan Berjentera, telah hampir siap dibina untuk memberi latihan kepada petani-petani mengenai penggunaan jentera di ladang. Inilah sumbangan positif Kerajaan terhadap kaum tani.

Saudara-saudara sekalian,

26. Bagi menjaga kepentingan petani untuk mendapatkan harga yang berpatutan dari hasil padi mereka, Kerajaan, melalui Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), telah menetapkan harga

maksima bagi tiap-tiap jenis padi, iaitu \$24 sepikul bagi padi jenis pendek, \$26 sepikul bagi padi jenis sederhana dan \$28 sepikul bagi jenis panjang. Walau bagaimanapun, petani-petani adalah bebas menjual hasil padi mereka ke tempat atau kilang yang boleh menawar harga yang lebih tinggi dari yang ditetapkan oleh LPN.

27. Bagi menampung keperluan ini, LPN telahpun membina dua buah kilang besar (integrated mills) di kawasan Tanjung Karang, tiap-tiap satu boleh mengambil sebanyak 20 ributan padi satu musim. Kedua-dua kilang ini dijangka mula bergerak sebelum akhir tahun ini.

28. Selain dari menampung keperluan petani-petani, kilang ini akan dapat memberi pekerjaan kepada belia tempatan. Saya suka menyatakan di sini bahawa, sebagaimana yang ditentukan, <sup>menurut</sup> dasar Kerajaan, hakmilik kilang itu boleh diserahkan kepada rakyat, apabila perjalanannya boleh menguntungkan, dan rakyat pula bersedia mengambil alihnya.

29. Sesungguhnya, ini adalah satu cabaran dan <sup>galakan</sup> insentif yang besar kepada petani-petani di kawasan ini. Saya berharap mereka akan bersungguh-sungguh berusaha serta bersatupadu, seelok-eloknya menerusi kegiatan koperasi, bukan sahaja untuk mengambil operasi kilang-kilang ini, bahkan akan mengendalikan dan

mentadbirkan sebuah kawasan padi Tanjung Karang dan Sabak Bernam ini, sebagai usahasama perniagaan mereka. Inilah sebaik-baik jalan bagi berdikari dalam segala usaha, iaitu dari penanaman, pengilangan hinggalah kepada penjualan padi atau beras, bagi mencegah exploitasi oleh orang tengah atau pihak-pihak yang hendak mengambil kesempatan mencari untung. Lembaga Pertubuhan Peladang adalah mengambil dayausaha yang kuat dalam hal petani ini.

Saudara-saudara sekalian,

30. Jika kita bersatupadu, hidup dalam masyarakat yang bermuafakat, tentulah orang luar akan menghormati kita. Tiada siapa yang

berani menembusi perpaduan kukuh kita untuk memecahbelahkan kita. Demikianlah juga dengan pertubuhan parti kita, samada di peringkat cawangan atau bahagian, lebih-lebih lagi di peringkat pusat.

31. Saya mendapat tahu perpaduan di kalangan ahli bahagian Tanjung Karang sentiasa kukuh, dan sokongan yang diperolehi dari penduduk adalah menyeluruh. Saya ucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan bahagian ini kerana telah dapat memelihara keyakinan dan kepercayaan rakyat dan ahli sekelian.

32. Saya harap keadaan ini dapat dikekalkan pada setiap masa, untuk dijadikan contoh yang

baik kepada bahagian lain di tanah air. Hanya dengan perpaduan yang kukuh, dapat kita jamin keutuhan parti kita yang amat mustahak bagi menghadapi segala cabaran dan rintangan.


33. Dengan ingatan ikhlas ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan sekali lagi mengucapkan terimakasih kepada semua pihak yang telah membuat apa jua sumbangan kepada parti di masa-masa yang lampau. Insya Allah, Tuhan sahaja yang akan membalas usaha dan tenaga mereka.

34. Dengan ini saya dengan amat sukacitanya meresmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian

Tanjung Karang, serta mendoakan selamat bersidang dan selamat maju jaya.

Terimakasih.

-----



PERKHIDMATAN  
AKRIB PERDANA MENTERI



JUL 1973

**PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI**



24/76  
JUL 1978



No. Siri	..... 191 .....
No. Penerimaan	..... 8/78 .....